



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### ISU KESELAMATAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) SEMASA MENGUNAKAN PENGANGKUTAN AWAM

**PUTRAJAYA, 23 November** - YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) menzahirkan rasa sedih dan kesal atas kejadian yang menimpa seorang OKU penglihatan, Encik Mohd Hanapiah b. Yeop Shahrudin berusia 49 tahun yang telah jatuh ke landasan di Stesen Monorel KL Sentral pada 12 November 2017 (Ahad).

YB Dato' Sri Rohani menyatakan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengambil tindakan segera dengan menziarahi mangsa dan keluarga mangsa pada 17 November 2017 di *Intensive Care Unit (ICU)*, Hospital Kuala Lumpur. Perkhidmatan kaunseling telah ditawarkan kepada keluarga mangsa sebagai langkah awal untuk memastikan mereka mendapat sokongan emosi dan sosial bagi menangani kesan daripada kejadian yang menimpa mangsa. Selain itu, JKM turut bekerjasama dengan Jabatan Kerja Sosial Perubatan, Hospital Kuala Lumpur bagi memantau keadaan mangsa dan bersedia membantu mangsa dan keluarganya untuk mendapatkan perkhidmatan dan bantuan alat sokongan sekiranya diperlukan apabila sembuh kelak. Bagi memastikan isu ini dapat ditangani segera, Mesyuarat MKBOKU Bil. 3/2017 pada hari ini membincangkan isu keselamatan OKU semasa menggunakan pengangkutan awam. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) turut membentangkan pembentangan laporan berhubung kejadian yang berlaku.

MKBOKU berpendirian isu keselamatan OKU semasa menggunakan pengangkutan awam perlu diberi perhatian serius, dan berharap siasatan yang dilakukan akan dapat mengenalpasti punca sebenar kejadian. Seterusnya, tindakan penambahbaikan dan pencegahan dapat dilaksanakan segera bagi mengelakkan perkara ini berulang.

Ujar Dato' Sri Rohani lagi, ciri-ciri keselamatan di setiap stesen keretapi dan tren perlu ditingkatkan dan latihan berkaitan *Disability Equality Training (DET)* dan *Disability Related Services Training (DRST)* dapat diperluaskan kepada semua petugas yang terlibat secara langsung dengan pengguna perkhidmatan, seperti petugas kaunter dan anggota polis bantuan.

Melalui DET, peserta akan lebih memahami perbezaan antara kecacatan (*impairment*) dengan ketidakupayaan dan memahami bahawa kecacatan bukanlah merupakan punca berlakunya ketidakupayaan. Melalui DRST pula, peserta akan memahami cara-cara mengendalikan OKU mengikut kategori kurang upaya melalui aktiviti simulasi yang dijalankan.

###

Disediakan oleh	:	Unit Perhubungan Awam Jabatan Kebajikan Masyarakat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Tel	:	03 – 8323 1773
Faks	:	03 – 8323 2086